

01.03

KEBERKESANAN PENGGUNAAN KONSEP SEKOLAH
RUMAH PANGSA DARI ASPEK FIZIKAL, SOSIAL DAN EKONOMI

KAJIAN KES : SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN
BT. 3 1/2, JALAN CHERAS
KUALA LUMPUR

KAJIAN AKHIR INI DISEDIAKAN OLEH :-

AB. RAN BIN MUHAMMAD

DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN, BANDAR DAN WILAYAH
ITM, SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kajian Akhir ini yang
disediakan oleh :-

ABDUL RAN BIN MUHAMMAD

Bertajuk : KAJIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN
KONSEP SEKOLAH RUMAH PANGSA DARI
ASPEK FIZIKAL, SOSIAL DAN
EKONOMI.

Kes Kajian : SEKOLAH RENDAH
KEBANGSAAN BT. 3
1/2, JALAN
CHERAS
KUALA LUMPUR.

Di bawah penyeliaan saya/kami terima sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Diluluskan :-

(Pengerusi Panel
Penilai)

(Tandatangan)

(Tarikh)

(Penyelia)

(Tandatangan)

(Tarikh)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnianya, saya akhirnya dapat menyediakan Kajian Akhir ini sepertimana yang dijadualkan.

Dengan ini setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada mereka yang telah memberikan bantuan, tunjuk ajar serta nasihat dan perangsang sehingga terlaksananya kajian ini.

Kepada Penyelia Kajian Akhir ini, Puan Salehaton Hussin Szally, saya sangat-sangat berterima kasih kerana telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang membina kepada saya di sepanjang kajian ini dijalankan.

Dengan ini juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam memberi sumbangan kepada penyediaan kajian ini.

1. Encik Mustafa bin Mamin
Guru Besar
Sekolah Rendah Kebangsaan Bt. 3 1/2
Jalan Cheras
KUALA LUMPUR.

2. Puan Rahimah
Penolong Guru Besar
Sekolah Rendah Kebangsaan Bt. 3 1/2
Jalan Cheras
KUALA LUMPUR.
3. Puan Faridah Ahmad
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
KUALA LUMPUR.
4. Puan Siti Rohaya
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
KUALA LUMPUR.
5. En. Mohd Nasri Ismail
Bahagian Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
KUALA LUMPUR.
6. Pegawai Bahagian Sekolah-Sekolah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
KUALA LUMPUR.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang telah memberi kerjasama dan sokongan di dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali , tidak lupa pada kedua ibubapa saya yang telah memberikan segala pengorbanan kepada saya selama ini akan tetap disanjung selama-lamanya. Semoga hidup ini diberkati Allah.

Waassalam.

1.0 PENGENALAN

Sejak akhir-akhir ini aspek pendidikan begitu diambil berat oleh pihak kerajaan di dalam memberi pelajaran yang sempurna kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Ini meliputi semua kawasan samada kawasan bandar atau pun kawasan luar bandar.

Kementerian Pendidikan khususnya kini mula menyedari akan pentingnya pelajaran yang secukupnya diberikan kepada rakyat negara ini. Berbagai-bagai langkah, dasar dan polisi telah dijalankan bersesuaian dengan pendidikan yang ada supaya sistem pembelajaran yang diimplikasikan lebih berkesan. Akan tetapi, satu masalah yang agak ketara berlaku di dalam sistem pendidikan adalah masalah kekurangan ruang bilik darjah untuk pelajar. Keadaan ini lebih membimbangkan kerana ia banyak berlaku di bandar-bandar besar di negara ini seperti Kuala Lumpur. Masalah kekurangan ruang bilik darjah akan turut mengganggu prestasi pembelajaran yang dijalankan. Kiranya masalah ini dibiarkan berlanjutan sudah tentu ia akan memberi kesan yang tidak baik kepada murid-murid dan juga sistem pendidikan yang ada.